

Berita Manmin

NO. 39 16 MAC 2025

Orang yang Telah Bertemu Tuhan

Apabila anda mengungkapkan perasaan anda melalui kata-kata, anda akan lebih dipercayai. Sekarang, katakan kepada orang lain, "Terima kasih," "Saya minta maaf," atau "Saya sayang kamu."



Saya sembuh daripada strok serebrum akut dan serangan jantung akut!

Diaken Younghyun Lee | 66 tahun, Bandar Miryang, Wilayah Gyeongnam, Korea



Pada 3 September 2024, saya terlibat dalam satu kemalangan kecil dalam perjalanan ke tempat kerja. Apabila saya sampai di pejabat dan minum air, tangan saya menggeletar, dan saya tidak dapat menyeimbangkan badan saya. Saya dibawa ke bilik kecemasan, dan hasil pemeriksaan menunjukkan bahawa saya mengalami strok serebrum akut yang serius. Doktor menasihati saya untuk pergi ke hospital yang lebih besar.

Di hospital kedua, saya didiagnosis dengan serangan jantung akut. Saya dimasukkan ke unit rawatan rapi dan menjalani pembedahan memasukkan stent aorta serebral untuk meluaskan saluran darah. Saya juga didiagnosis

dengan sepsis, kegagalan buah pinggang, dan pelbagai keradangan, dan keadaan saya semakin teruk. Badan saya mengalami kejutan akibat indeks somatik hati yang tinggi dan terpaksa menggunakan ventilator.

Saya tidak sedarkan diri selama empat minggu, tetapi saya masih ingat pengalaman luar biasa yang berlaku. Dalam beberapa penglihatan, utusan neraka muncul dan cuba mengheret saya, tetapi saya melawan mereka dalam ketakutan sebanyak tiga kali.

Isteri saya berpuasa dan berdoa untuk saya. Dia memberikan korban penghapusan dosa bagi pihak saya dan bertaubat kerana saya tidak berdoa atau menyembah dalam roh dan kebenaran. Pada 27 September, dia menghadiri Perjumpaan Kesembuhan Ilahi dan merakamkan doa Pastor Soojin Lee untuk orang sakit. Tiga hari kemudian, dia datang kepada saya dan memainkan rakaman doa itu pada telinga saya.

Selepas menerima doa itu, pada 2 Oktober, saya dapat menanggalkan ventilator dan bernafas dengan sendiri. Pada 4 Oktober, saya dipindahkan dari unit rawatan rapi ke wad umum. Namun

begitu, badan saya masih terpasang dengan beberapa peralatan perubatan, dan gejala lumpuh separuh badan kiri masih ada.

Pada 13 Oktober, isteri saya berjumpa Pastor Miyoung Lee, yang dijemput sebagai pembicara dalam ibadat ulang tahun ke-37 Gereja Manmin Miryang, lalu meminta beliau berdoa untuk saya. Pastor Miyoung Lee berdoa untuk saya melalui telefon. Pada keesokan harinya, beberapa tiub perubatan dikeluarkan, saya dapat makan bubur, dan lumpuh separuh badan kiri saya juga pulih. Pada 27 Oktober, isteri saya menghadiri ibadat ulang tahun ke-31 Gereja Manmin Busan. Pastor Mikyung Lee meletakkan tangannya pada foto saya lalu berdoa untuk saya.

Saya diberitahu bahawa saya perlu menjalani rawatan jangka panjang di hospital, tetapi saya pulih seperti biasa dengan lebih cepat daripada jangkaan dan dibenarkan keluar dari hospital pada 29 Oktober. Sejak itu, saya memberikan persepuluhan dengan sepenuhnya dan menjalani kehidupan yang diperbaharui dalam Kristus.

Segala puji dan kemuliaan bagi Tuhan!

Saya sembuh daripada sindrom iritasi usus selama 14 tahun!

Diaken Kanan Seung-eun Kim | 57 tahun, Sindaebang-dong, Dongjak-gu, Seoul, Korea

Pada tahun 2010, saya menghadapi kesukaran besar dan mengalami banyak tekanan. Selepas itu, saya menderita sindrom iritasi usus dengan cirit-birit, dan terpaksa hidup hanya dengan makan bubur selama lebih dua minggu pada setiap bulan.

Setiap kali saya keluar dari rumah, saya selalu berasa gugup dan terpaksa membuat persiapan untuk perkara yang tidak dijangka. Saya terpaksa membawa pakaian tambahan. Semasa menghadiri perjumpaan atau retret, ketika orang lain menikmati hidangan di restoran bufet, saya sering terpaksa makan bubur. Apabila saya menghadiri acara gereja, saya selalu terpaksa duduk berhampiran dengan bilik air.

Pada tahun 2018, saya menghadapi kesukaran yang lebih besar daripada sebelumnya, dan gejala saya semakin teruk. Tiada ubat yang diberikan oleh pakar gastroenterologi yang berkesan lagi. Selepas itu, saya menyedari bahawa gejala saya berkait rapat dengan personaliti sensitif saya, lalu saya berdoa dengan sungguh-sungguh kepada Tuhan untuk

mengubah personaliti saya.

Pada tahun 2023, saya mendaftar awal sebagai pesakit untuk Perjumpaan Kesembuhan Ilahi dua bulan sekali. Setiap kali saya menghadiri perjumpaan itu, saya menerima doa Pastor Soojin Lee untuk orang sakit dengan iman. Saya berterusan mempersembahkan doa nazar selama 21 hari, dan pada 17 April 2024, saya memulakan doa nazar 100 hari sebagai persiapan untuk Retret Musim Panas Manmin dan mengharapkan kesembuhan dengan penuh kerinduan.

Sementara itu, Pastor Kanan menjemput ketua-ketua pemimpin persatuan wanita daripada persatuan daerah dan sub-daerah, serta pemimpin sel ke Rumah Doa Getsemani. Saya sangat ingin disembuhkan di sana dan berdoa untuk kesembuhan saya dengan sepenuh hati.

Hari yang saya nantikan itu tiba pada 10 Mei. Saya makan bubur untuk sarapan lalu pergi ke rumah doa. Makan tengah hari disediakan dengan barbeku daging lembu yang lazat, tetapi saya tidak berani memakannya kerana takut perut saya akan sakit. Namun



begitu, saya menghabiskan masa yang indah bersama Pastor Kanan yang saya kasihi dan rakan-rakan sekerja di ruang yang penuh dengan kedamaian, sukacita, dan kasih Pastor Emeritus Jaerock Lee. Pada akhir perjumpaan, Pastor Kanan berdoa untuk pemberkatan bagi semua yang hadir.

Dalam perjalanan pulang, saya makan malam di sebuah restoran bersama rakan-rakan sekerja. Secara mengejutkan, buat pertama kalinya, saya tidak berasa takut untuk makan apa-apa makanan dan menikmati makanan pedas dengan tenang dan gembira. Sejak itu, tiada gejala yang berlaku kepada saya sama sekali.

Saya berasa sangat gembira, tetapi saya tidak memberitahu sesiapa dan menunggu dengan sabar sehingga saya benar-benar yakin bahawa saya telah sembuh. Lapan bulan telah berlalu, dan badan saya masih dalam keadaan normal tanpa sebarang gejala. Saya dapat menikmati pelbagai jenis makanan dan menghabiskan masa yang bahagia bersama keluarga, rakan-rakan, dan orang di sekeliling saya.

Saya tidak lagi berasa gugup apabila keluar, dan saya menjalani kehidupan harian dengan bebas dan selesai. Haleluyah!

Baru-baru ini, saya terjumpa sekotak ubat cirit-birit yang tidak digunakan lagi semasa membersihkan rumah. Saya berkata kepada diri sendiri, "Oh, saya pernah bergantung pada ubat ini!" dan bertekad untuk memberikan kesaksian tentang kasih kurnia yang telah diberikan oleh Tuhan kepada saya.

Saya mengucapkan segala syukur dan kemuliaan kepada Tuhan Bapa yang telah menyembuhkan saya dengan sepenuhnya daripada sindrom iritasi usus selama 14 tahun.



Perjumpaan Kesembuhan Ilahi

Peluang istimewa untuk kesihatan dan kebahagiaan anda!
Kerja penyembuhan dan jawapan yang melimpah-limpah
melalui kerja Roh Kudus yang penuh kuasa!
Datang dan lihatlah keajaiban baru dan kehidupan baru!

Pada pukul 11:00 malam, Jumaat, 28 Mac 2025
Di Gereja Pusat Manmin
Oleh Pastor Kanan Soojin Lee

Siaran secara langsung melalui GCN TV!

Tuhan ialah Cahaya (9)

Terserlah seperti Bintang

"Dalam segala perbuatanmu janganlah bersungut-sungut dan berbantah-bantah, supaya dirimu tidak beraib dan bersalah, dan kamu menjadi anak-anak Allah yang tidak bercela antara manusia. Dalam zaman yang penuh tipu daya dan perbuatan songsang, maka terserlahlah kamu seperti bintang dalam dunia," (Filipi 2:14-15)

"Jika kita menjadi anak-anak Tuhan yang tidak bercela, kita dapat terserlah seperti cahaya di dunia ini, dan berpegang teguh pada firman yang memberikan kehidupan, agar pada hari Kristus kita akan dapat bersukacita."

Tuhan ialah cahaya dan Dia ingin anak-anak-Nya menyebarkan cahaya kebenaran di dunia yang gelap ini. Jika kita menjadi anak-anak Tuhan yang tidak bercela, kita dapat muncul sebagai cahaya-cahaya di dunia, dan berpegang teguh pada firman kehidupan, supaya pada hari Kristus kita akan dapat bersukacita.

1. Melakukan Segala Sesuatu Tanpa Bersungut-sungut atau Berbantah-bantah

Sangat penting untuk mempunyai perdamaian dengan semua orang, tanpa bersungut-sungut atau berbantah-bantah. Hanya dengan begitu kita dapat menyebarkan cahaya kita kepada orang dunia ini. Sekarang, apakah yang harus kita lakukan untuk melakukan segala sesuatu tanpa bersungut-sungut atau berbantah-bantah?

1) Kita haruslah tidak bercela dan murni.

Tidak bercela bermaksud bahawa tidak ada apa-apa kesalahan yang dapat dituduhkan terhadap kita. Tentu sahaja, tidak mudah untuk sama sekali tidak mempunyai apa-apa kesalahan dalam hidup atau dalam keperibadian kita. Namun begitu, kita dapat memperbaiki diri kita melalui firman Tuhan Yang Maha Kuasa walaupun kita mempunyai kekurangan.

Salah satu contoh terbaik dalam Alkitab tentang orang tidak bercela ialah Daniel. Daniel tidak bercela bukan hanya di hadapan manusia tetapi juga di hadapan Tuhan. Dia berasal daripada keluarga diraja Yahudi, tetapi dia ditawan bersama dengan orang Yahudi yang lainnya ketika Yehuda ditaklukkan oleh Babel. Nebukadnezar memerintahkan orang muda yang terpilih yang berpengetahuan luas, mengerti ilmu dan yang berkemampuan untuk berkhidmat di istana raja (Daniel 1:4). Daniel termasuk antara orang muda yang

terpilih. Raja menetapkan bagi mereka peruntukan hidangan harian daripada makanan pilihan raja dan minuman anggur diraja. Dia juga memerintahkan agar mereka dididik selama tiga tahun, yang pada akhirnya mereka harus masuk ke dalam perkhidmatan peribadi raja.

Namun begitu, Daniel tahu bahawa mungkin ada daging haiwan yang keji yang dilarang oleh Tuhan dan dia bertekad untuk tidak menajiskan dirinya. Dia hanya makan sayur dan minum air. Tindakannya benar-benar tidak bercela di hadapan Tuhan sejak usia muda.

Tuhan menunjukkan kasih kurnia kepada Daniel dan meninggikannya melebihi semua orang. Ketika dia memimpin negara sebagai seorang menteri, dia melakukannya dengan pengertian dan hikmat. Dia memiliki roh yang luar biasa dan raja menetakannya di atas seluruh kerajaan. Beberapa orang iri dan cuba mencari alasan untuk menjatuhkan Daniel. Namun begitu, mereka tidak dapat menemukan sesuatu alasan atau kesalahan. Kita dapat memahami betapa Daniel tidak bercela (Daniel 6:4).

Selanjutnya, kita harus mempunyai hati yang murni. Murni bermaksud tidak mempunyai kegagalan moral atau rasa bersalah. Dalam pengertian rohani, hati yang murni bermaksud menunjukkan kerendahan hati dalam tindakan luar, dan bertindak secara sempurna dalam hal kebenaran, menjadi tidak bercela.

Jika seseorang mempunyai hati yang bersih tanpa kejahatan, dan jika perilakunya, perwatakan, dan cara hidupnya sempurna, Tuhan berfirman bahawa dia adalah murni. Orang yang murni membangun dalam segala perbuatan mereka. Keperibadian mereka bersih dan murni, dan kehidupan mereka terhormat dan tidak bercela.

Ketika mereka mengalami kemudaratan, mereka tidak membalasnya dengan kejahatan tetapi mempertimbangkan situasi itu hanya dengan kebaikan. Mereka menerima segala sesuatu dan menjaga kendali diri dalam segala hal. Mereka tidak

ingin berbicara tentang hal-hal yang tidak sesuai atau tidak layak. Selain itu, mereka bahkan tidak ingin menyimpan pemikiran jahat tetapi hanya hidup dalam Cahaya.

Ayub 1:1 menyatakan, "Ada seorang lelaki yang bernama Ayub di Tanah Us. Dia tidak bercela, juga tulus dan takut kepada Allah serta menjauhi kejahatan." Dia mempunyai sepuluh orang anak dan dia ialah orang terkaya di timur. Dia melakukan banyak perbuatan amal, dan dia mengajar banyak orang dengan kebijaksanaan dan pengetahuannya.

Tuhan dapat mengakui perbuatan Ayub yang tidak bercela, tetapi Dia masih mengizinkan Ayub diuji untuk menyucikan hatinya yang dalam. Ayub kehilangan semua harta bendanya dan anak-anaknya dalam sekelip mata, namun dia tetap teguh pada kesetiiaannya. Sekarang, dia mempunyai bisul dari telapak kakinya hingga ubun-ubunnya.

Walau bagaimanapun, Ayub tidak berdosa di hadapan Tuhan dengan mulutnya. Namun begitu, ketika situasinya yang suram berlanjutan, kejahatan yang tersembunyi dalam hatinya mulai muncul ke permukaan. Tuhan memurnikannya dan menjadikan dia lengkap.

Jika kita murni dalam kata-kata dan perbuatan kita, secara alamiah tidak akan ada bersungut-sungut atau berbantah-bantah, dan kita akan muncul sebagai cahaya. Hal ini merupakan apa yang Tuhan ingin kita lakukan.

2) Kita tidak boleh bertipu daya atau berbuat songsang.

Bertipu daya bermaksud terkeluar daripada kerangka dasar manusia yang telah ditetapkan oleh Tuhan. Jika seseorang sangat sombong, sering bertengkar, membanggakan diri, atau marah-marah, kita dapat mengatakan bahawa dia terkeluar daripada kerangka dasar manusia yang telah ditetapkan oleh Tuhan, dan dengan demikian, dia 'bertipu daya'.

Seiring berjalannya waktu, semakin banyak orang yang mengarahkan tubuh mereka kepada kemaksiatan dan mengucapkan hal-hal cabul; mereka dengan sangat mudah mengungkapkan perasaan keras mereka, bahkan melakukan pembunuhan. Pemikiran mereka selalu ke arah lebih banyak menikmati diri mereka melalui kesenangan dunia ini.

Pakaian mereka menjadi semakin mencolok dan tidak rapi. Hiasan mereka menjadi lebih gelap dan mereka mengatakan bahawa hal itu lebih 'canggih'. Hal-hal ini hanya beberapa contoh daripada tipu daya, dan ada begitu banyak hal lain yang berada di luar kerangka dasar yang telah ditetapkan oleh Tuhan.

Selanjutnya, songsang bermaksud menjauh daripada posisi dan tempat seseorang. Sebagai contoh, jika orang bawahan tidak mematuhi orang atasan atau anak-anak tidak mentaati dan melawan ibu bapa mereka, hal ini merupakan perbuatan songsang. Jika seseorang tidak melakukan tugasnya pada posisinya,

hal itu bermaksud dia meninggalkan tugasnya, dan hal ini merupakan perbuatan songsang.

Kejadian 6:5-7 menyatakan, "Namun begitu, TUHAN melihat kejahatan manusia besar di bumi, dan segala hasrat dan kecenderungan hati mereka sentiasa tertumpu pada kejahatan sahaja. Maka menyesallah TUHAN kerana Dia telah menjadikan manusia di bumi dan hal itu mendukakan hati-Nya. berfirmanlah TUHAN, 'Aku akan menghapuskan manusia yang telah Kuciptakan itu dari muka bumi – manusia dan juga haiwan, termasuk haiwan yang melata, dan burung-burung di udara – kerana hati-Ku kesal bahawa Aku telah menjadikan kesemuanya.'" Generasi ini begitu songsang sehingga kita hampir dapat memahami hati Tuhan yang terungkap dalam ayat di atas.

Oleh itu, Tuhan menasihati kita untuk tidak bersungut-sungut atau berbantah-bantah, dengan demikian menjadi anak-anak Tuhan yang tidak bercela dalam generasi yang penuh dengan tipu daya dan perbuatan songsang ini. Dengan melakukan hal itu, Dia ingin kita muncul sebagai cahaya di dalam dunia ini.

2. Berpegang Teguh pada Firman Kehidupan agar pada Hari Kristus Kita akan Dapat Bersukacita

Apabila anda menjadi bersih dan tidak bercela, dan tidak bertipu daya dan berbuat songsang, anda dapat melakukan segala sesuatu tanpa bersungut-sungut dan berbantah-bantah, dan dengan demikian muncul sebagai cahaya bagi dunia ini. Selepas muncul sebagai cahaya, apakah yang perlu kita lakukan sekarang?

Filipi 2:16 menyatakan, "berpegang teguh pada firman yang memberikan kehidupan. Dengan demikian aku dapat bersukacita pada hari Kristus kerana hidup dan usahaku tidak sia-sia." Dalam ayat ini, 'berpegang teguh pada firman yang memberikan kehidupan' bermaksud menyinarkan cahaya firman Tuhan kepada orang dalam kegelapan, agar mereka dapat menuju cahaya.

Contohnya, anda perlu mengeluarkan banyak usaha untuk memberitakan Injil kepada seseorang dan membawa orang tersebut ke gereja. Namun begitu, jika orang itu meninggalkan Tuhan setelah menghadapi beberapa masalah, bukankah semua usaha anda itu akan sia-sia? Itulah sebabnya anda perlu berpegang teguh pada Firman kehidupan.

Sebagai contoh, dengan mengingatkan orang tentang Firman Tuhan "Bersukacitalah sentiasa," anda perlu mendesak mereka untuk bersukacita selalu tanpa mengira apa-apa masalah yang dihadapi oleh mereka. Dengan menyinarkan Firman Tuhan, "Berdoalah sepanjang masa," anda perlu mendesak orang untuk berdoa dengan sungguh-sungguh untuk menerima jawapan bagi masalah mereka, supaya mereka akan percaya kepada Tuhan Yesus dengan sukacita dan tidak pernah meninggalkan iman mereka kepada Tuhan. Apabila anda menyinarkan Firman Tuhan mengenai kasih, anda akan mengingatkan mereka untuk

memahami dan menanggung segala sesuatu dengan jayanya sehingga mereka sampai ke syurga. Dengan demikian, tidak akan ada usaha anda yang menjadi sia-sia.

Bagaimanakah anda dapat berpegang teguh pada Firman kehidupan dalam keluarga anda? Walaupun dalam keluarga yang beriman, apabila salah seorang ahli keluarga menjadi sakit, mungkin mereka tidak bergantung pada Tuhan tetapi mencari bantuan perubatan terlebih dahulu. Dalam situasi ini, jika seorang ahli keluarga yang lain memberikan kesaksian tentang pekerjaan Tuhan Yang Maha Hidup dan cuba menanamkan iman dalam keluarga itu, orang ini sedang berpegang teguh pada firman kehidupan.

Jika seluruh keluarga membuat keputusan untuk menyerahkan segala sesuatu kepada Tuhan dengan iman, dan mula merayu dalam kasih, maka Tuhan akan mula bekerja dalam keluarga tersebut. Apabila orang yang sakit menerima kesembuhan oleh kuasa Tuhan, iman seluruh keluarga akan bertumbuh. Ahli keluarga atau saudara yang tidak percaya juga akan dibimbing untuk percaya kepada Tuhan apabila mereka mendengar berita sedemikian.

Saya berharap anda akan berpegang teguh pada firman Tuhan pada setiap saat dalam hidup anda, agar semua usaha anda dalam Tuhan Yesus tidak menjadi sia-sia tetapi disimpan sebagai ganjaran yang indah.

3. Anda Harus Bersukacita walaupun Anda Dicurahkan seperti Minuman yang Dipersembahkan

Dalam Filipi 2:17-18, Paulus berkata, "Walaupun sekiranya aku dicurahkan seperti minuman yang dipersembahkan sebagai korban dan khidmat imanmu, aku berbahagia dan bersukacita bersama kamu semua. Demikian jugalah kamu harus bahagia dan bersukacita bersamaku." Minuman yang dipersembahkan ialah wain yang dicurahkan ke atas korban persembahan. Wain yang dicurahkan akan lenyap sepenuhnya tetapi menambahkan haruman yang baik, menjadikannya aroma yang menyenangkan di hadapan Tuhan.

Ini ialah pengakuan pengabdian yang tertinggi, melangkaui tahap mengatakan, "dengan demikian aku dapat bersukacita pada hari Kristus kerana hidup dan usahaku tidak sia-sia."

Rasul Paulus bekerja dengan sangat keras dalam susah payah dan kesakitan besar untuk kerajaan Tuhan dan kebenaran-Nya. 2 Korintus 11:23 dan seterusnya menerangkan bahawa dia dipenjarakan lebih banyak kali daripada sesiapa pun; dia disebat dan dipukul berkali-kali; dan dia menghadapi kematian begitu banyak kali. Namun begitu, Paulus tidak memikirkan semua penderitaan yang dihadapinya. Dia hanya bimbang tentang gereja itu.

Walaupun Paulus berbakat dalam banyak hal, dia merendahkan hatinya sendiri dan berkata "akulah yang paling rendah antara rasul" dan bahawa dia "tidak layak disebut rasul." Walaupun dia begitu bekerja keras, Paulus tidak menyesali kerja dan susah payahnya, dan tidak mengharapkan sebarang pampasan. Jalannya ialah jalan berduri yang kasar dan di hujungnya menanti hukuman pancung, tetapi dia masih dapat berkata, "aku berbahagia dan bersukacita bersama kamu semua."

Selepas bertemu dengan Tuhan Yesus, kehidupan Paulus ialah kehidupan yang berpegang teguh pada Firman kehidupan, dan kehidupan berlari dalam perlumbaan iman secara berterusan. Kepada Paulus ini, yang mengeluarkan usaha yang melimpah-limpah dalam penginjilan, Tuhan menunjukkan kepadanya kerajaan syurga dengan jelas melalui penglihatan dan wahyu (2 Korintus 12:1). Paulus menyatakan dalam 2 Timotius 4:7-8, "Aku telah berjuang dalam perjuangan mulia ini, aku telah sampai ke garis akhir, aku telah setia dalam iman. Sekarang mahkota kebenaran telah disediakan untukku. Tuhan, Hakim yang adil itu, akan mengurniakkannya kepadaku pada Hari itu, bukan kepadaku sahaja, tetapi kepada semua orang yang merindu kedatangan-Nya."

Saudara dan saudari yang saya kasihi dalam Kristus, Adakah anda melakukan segala sesuatu tanpa bersungut-sungut atau berbantah-bantah? Saya berdoa atas dalam Tuhan Yesus agar anda menjadi anak-anak Tuhan yang tidak bercela seperti rasul Paulus, muncul sebagai cahaya di dunia ini, dan berpegang teguh pada firman kehidupan, agar hidup anda dipenuhi oleh kemuliaan Tuhan dan anda akan menerima ganjaran besar di kerajaan syurga.

Berita Manmin

Diterbitkan oleh Gereja Pusat Manmin

Malay

73, Yeoidaebang-Ro 22-Gil, Dongjak-Gu, Seoul, Korea Selatan

(Poskod: 07056)

<http://www.manminnews.com/2012/nation/ebooks.asp?nation=mal>

www.manminnews.com, E-mel: manminhq@manmin.kr

Diterjemahkan oleh Biro Misi Luar Negara



Telefon: 82-2-824-7107
www.gcntv.org
webmaster@gcntv.org



Manmin International Seminary

Telefon: 82-2-818-7032
www.manminseminary.org
manminseminaryhq@gmail.com



World Christian Doctors Network

www.wcdn.org
wcdnkorea@gmail.com



Urim Books

Telefon: 82-2-818-7241
www.urimbooks.com
urimbook@hotmail.com

Saya telah sembuh daripada BPPV dan bahu beku!

Diaken Kanan Soonjoo Yoo | 55 tahun, Cheolsan-dong, Bandar Gwangmyeong, Wilayah Gyeonggi, Korea

Pada awal tahun 2022, saya menerima vaksin COVID-19 untuk kali ketiga. Beberapa hari kemudian, saya mula berasa mual dan sakit belakang. Saya tergesa-gesa ke bilik air dengan perasaan seperti diserang sakit perut akut, lalu kemudian pengsan di sana.

Saya dibawa ke bilik oleh suami saya. Saya hampir-hampir tidak dapat bernafas dan berfikir bahawa saya akan mati. Saya menerima doa untuk orang sakit daripada mendiang Pastor Jaerock Lee yang dirakamkan dalam sistem respons automatik telefon sehingga subuh. Hari itu ialah hari Ahad dan saya cuba pergi ke gereja. Namun begitu, saya tidak dapat pergi kerana semuanya kelihatan berpusing, dan hanya dapat mendengar khutbah melalui GCN TV sambil menutup mata.

Pada keesokan harinya, saya pergi ke hospital dan didiagnosis dengan masalah usus tersumbat. Doktor mengatakan bahawa hal ini menyebabkan saya mengalami BPPV, di mana ketulan kalsium yang menjaga keseimbangan di dalam koklea telinga tidak berfungsi dengan baik. Doktor berkata BPPV



akan bertambah baik dan bertambah teruk secara berulang-ulang dan sukar untuk sembuh dengan sepenuhnya.

Pada keesokan harinya, Perjumpaan Doa Nazar Daniel bermula, dan dalam perjumpaan itu, saya berlutut dan berdoa dengan bersungguh-sungguh untuk bertaubat atas kesalahan saya. Saya menyedari bahawa saya telah terlibat dalam urusan perniagaan saya walaupun semasa perjumpaan doa dan ibadat, dan dalam melaksanakan tugas saya. Saya bertaubat dengan linangan air mata.

Pada Januari 2023, saya tiba-tiba mengalami bahu beku pada bahu kiri. Keadaan itu sangat menyakitkan dan pedih

seolah-olah besi menembusi bahu saya. Apabila saya menundukkan kepala, gejalanya lebih teruk.

Pada 28 Januari 2023, saya menghadiri Perjumpaan Kesembuhan Ilahi lalu menerima doa untuk orang sakit daripada Pastor Soojin Lee dengan penuh iman. Kemudian, saya beransur pulih dan dapat kembali bekerja setiap dua hari pada bulan Februari. Sejak itu, saya telah setia melaksanakan tugas sebagai pemimpin pujian misi wanita dan sebagai penyanyi persatuan diaken kanan.

Saya menerima doa untuk orang sakit daripada mendiang Pastor Jaerock Lee yang dirakamkan dalam sistem respons

automatik telefon pada setiap hari, dan merasakan kasih Tuhan Bapa yang campur tangan dan mengawasi hidup saya supaya saya dapat bertaubat, kembali, dan berubah. Saya menitis air mata kesyukuran semasa memandu ke tempat kerja, dan secara ajaib, gejala BPPV dan bahu beku saya mula pulih.

Apabila saya menghadiri Perjumpaan Kesembuhan Ilahi pada bulan Mac dan Mei 2023 dan menerima doa untuk orang sakit daripada Pastor Soojin Lee, saya dapat menundukkan kepala dan mengangkat tangan dengan bebas. Tiada gejala BPPV dan bahu beku. Untuk satu setengah tahun berikutnya, saya tidak mengalami sebarang gejala dan yakin bahawa saya telah sembuh dengan sepenuhnya. Haleluyah!

Selepas sembuh dengan sepenuhnya daripada BPPV, yang dikatakan sukar untuk sembuh, saya telah dengan setia melaksanakan tugas yang diberikan oleh Tuhan dengan gembira, termasuk tugas sebagai naib presiden misi wanita kedua pada tahun 2024. Saya memberikan kemuliaan kepada Tuhan Bapa yang menyembuhkan saya.

'Hanya Alkitab'
oleh Pastor Soojin Lee
disiarkan melalui YouTube
dalam pelbagai bahasa



Ia menyampaikan surat kasih Tuhan yang tersembunyi dalam Kitab Suci dan kasih Tuhan yang melimpah-limpah

Tersedia sari kata dalam 13 bahasa termasuk bahasa Inggeris, Cina, Jepun, Sepanyol, Rusia, Perancis, Urdu, Hindi, Swahili, Tamil, Romania, dan Ibrani.

** Anda dapat menonton 'Hanya Alkitab' hanya dengan mengimbas kod QR.

